



7 Mac 2016  
7 March 2016  
P.U. (A) 51

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

### PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PERBEKALAN) 2016

### *EMPLOYEES' SOCIAL SECURITY (SUPPLY) REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PERBEKALAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 72 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Keselamatan Sosial Pekerja (Perbekalan) 2016.**

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2016.

**Pengeluaran bagi perbelanjaan bagi tahun 2016**

2. Suatu jumlah wang yang tidak melebihi enam ratus empat puluh satu juta lima ratus dua puluh enam ribu lima ratus ringgit (RM641,526,500) hendaklah dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Keselamatan Sosial bagi perbelanjaan untuk pentadbiran Rancangan Keselamatan Sosial bagi tahun 2016 sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual.

JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Peruntukan</i>
Emolumen	RM 250,866,700
Bekalan dan perkhidmatan	RM 228,202,500
Pemberian, bayaran tetap dan bayaran lain	RM 43,778,200
Perbelanjaan lain	RM 53,868,900
Harta tanah, loji dan peralatan	RM 64,810,200
<b>Jumlah</b>	<b><u>RM 641,526,500</u></b>